

15 SEP 2003

Chan-Motosikal/I

KEMENTERIAN CARI JALAN AWASI MOTOSIKAL BAWAH 150CC

KUALA LUMPUR, 15 Sept (Bernama) -- Kementerian Pengangkutan akan mengeluarkan butiran lanjut mengenai pemansuhan cukai jalan bagi motosikal di bawah kuasa enjin 150cc serta mencari jalan bagaimana memantau kenderaan ini, kata menterinya Datuk Chan Kong Choy hari ini.

"Kita sedang menyiapkan butirannya. Kita hendak mencari jalan bagaimana mengawasi motosikal jenis ini kerana pemiliknya tidak perlu membayar cukai jalan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan mesyuarat serantau pelaut Persekutuan Pekerja Pengangkutan Antarabangsa (ITF) dan mesyuarat Jawatankuasa Serantau ITF Asia-Pasifik di sini.

Sebelum ini, pemilik motosikal disyarat mendapatkan nota perlindungan insurans sebelum dibenarkan memperolehi cukai jalan dan mereka juga perlu mengemukakan nota itu ketika memperbaharui cukai jalan.

Melalui prosedur itu, Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan polis boleh memperolehi maklumat tentang pemilik motosikal. Ini juga memudahkan pihak berkuasa mengesan pemilik motosikal yang gagal menjelaskan saman trafik.

Semasa membentangkan Bajet 2004 di Parlimen Jumaat lepas, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang juga Menteri Kewangan, mengumumkan pemansuhan cukai jalan untuk motosikal berkuasa enjin 150cc dan ke bawah.

"Kita perlu sesuatu mekanisme bagi memastikan supaya ada rekod pemiliknya. Ini termasuk perlindungan insurans dan sebagainya. Ini perlu dilakukan secepat mungkin," kata Chan.

Mengenai perkara lain, beliau berkata Kementerian Pengangkutan tidak mempunyai halangan jika Penerbangan Malaysia (MAS) ingin menlanjutkan umur persaraan bagi paramugarnya daripada 40 tahun sekarang.

"Saya rasa usia 40 tahun itu terlalu awal untuk bersara. Saya menggesa MAS supaya mengkaji perkara itu dengan serius dan menlanjutkan usia bersara," katanya.

Chan berkata walaupun, kementerian sedar bahawa syarikat penerbangan kebangsaan itu mempunyai pertimbangan perniagaan untuk membuat keputusannya tetapi "ia mengambil masa untuk melatih kakitangan ini, dan golongan itu juga menyumbang ke arah menjadikan krew kabin MAS sebagai antara yang terbaik di dunia."

Chan mengulas perkara itu selepas Presiden Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) Senator Zainal Rampak membangkitkan isu tersebut dalam ucapannya pada perasmian mesyuarat tersebut.

Zainal adalah pengerusi Jawatankuasa Serantau ITF Asia-Pasifik.

MAS dan Kesatuan Pekerja MAS, dengan sokongan MTUC, belum mencapai kata sepakat berhubung umur persaraan paramugari.

Hanya paramugari bersara pada umur 40 tahun manakala paramugara MAS dibenarkan berkhidmat sehingga berusia 55 tahun.

Chan berkata syarikat penerbangan yang menawarkan perkhidmatan tambang murah, Air Asia, tidak menetapkan had umur perasaraan paramugarnya kepada 40 tahun dan mereka hanya bersara apabila mencapai usia 55 tahun.

-- BERNAMA

SR AHH DC MAI